

**Puak Ekstremis Halang Sokongan Kaum Cina Terhadap BN - Dr Mahathir  
Bernama  
17 Mei, 2012**

KUANTAN, 17 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata puak ekstremis Cina dilihat memainkan peranan bagi menghalang sokongan kaum itu terhadap Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata sekalipun sokongan rakyat kini semakin berpihak kepada BN dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13, sokongan kaum Cina masih dilihat sebagai penentu kepada kejayaan BN.

"Undi kaum Melayu berpecah tiga (Umno, PAS dan PKR), undi (kaum) Cina jadi undi penentu, (berdasarkan fakta itu) puak ekstremis ini mahu kaum Cina memainkan peranan lebih besar (dalam menentukan hala tuju politik negara)," katanya di sini, Khamis.

Beliau ditemui pemberita selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif Univerisiti Malaysia Pahang, di sini.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan Canselor UMP Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pada Majlis Konvokesyen Khas UMP.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666884>